

# **MAJLIS PENUTUP KARNIVAL SUKAN 2017 DAN PEMBUKAAN KARNIVAL SUKAN 2018 DI PU GONG KEDAK**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3557-majlis-penutup-karnival-sukan-2017-dan-pembukaan-karnival-sukan-2018-di-pu-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3557-majlis-penutup-karnival-sukan-2017-dan-pembukaan-karnival-sukan-2018-di-pu-gong-kedak)

GONG KEDAK, 7 Jun 18 - Majlis Penutup Karnival Kejohanan Sukan 2017 Antara Seksyen telah berlangsung di Dewan Puteri Pangkalan Udara Gong Kedak. Kejohanan tahunan ini melibatkan 7 pasukan yang bertanding iaitu No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Cawang Material, Cawang Tadbir dan turut terlibat Gabungan Kontraktor.

Kejohanan edisi kali ini telah bermula secara rasminya pada 2 Jan 17 hingga 30 Jun 2017 melibatkan 13 acara sukan iaitu Futsal, Hoki, Petanque, Ragbi, Badminton, Bola Sepak, Lumba Basikal, Sepak Takraw, Tennis, Ping Pong, Bola Tampar, Squasy dan Bola Jaring. Keputusan Keseluruhan bagi Pertandingan Kejohanan Sukan Antara Seksyen di pangkalan Udara Gong Kedak Tahun 2017 ialah:

**JOHAN - No 11 Skuadron**

**NAIB JOHAN - Gabungan Kontraktor**

**Ke – 3 - Cawang Materiel**

**Ke – 4 - Cawang Kejuruteraan**

**Ke – 5 - Gabungan Tadbir/Provos**

**Ke – 6 - Skuadron 321**

**Ke – 7 - Skuadron Bantuan Operasi**

Bagi sukan Bola Jaring antara Negeri, Johan telah dimenangi oleh Negeri Kelantan manakala Naib Johan adalah Negeri Terengganu. Kejohanan ini merupakan salah satu platform untuk mencungkil bakat sukan di kalangan warga Pangkalan Udara Gong Kedak dan seterusnya dapat diketengahkan sehingga ke peringkat Pangkalan, ATM dan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Ternyata setiap pasukan telah mempamerkan semangat kesukanan, perjuangan dan kerjasama yang tinggi. Ini ditambah dengan sokongan padu daripada penyokong setiap pasukan sekaligus membakar semangat kesukanan dalam setiap kejohanan yang berlangsung sepanjang tahun 2017. Penyampaian Piala Pusingan dan Hadiah Karnival Sukan Bagi Tahun 2017 dan Perasmian Majlis



Penutup Karnival Sukan 2017 Dan Pembukaan Karnival Sukan 2018 telah disampaikan dan dirasmikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM. Turut hadir Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Angota Lain-lain Pangkat dan team Gabungan Kontraktor.

